

Mahathir gesa institusi utamakan industri kecil

U.M. 29 AUG 1991

KUALA LUMPUR 28 ogos **Sri Dr.** Mahathir Mohamad, menggesa institusi kewangan memberi keutamaan kepada industri kecil dan sederhana bagi membantu menjadikan negara ini sebuah negara maju pada tahun 2020.

Perdana Menteri berkata, industri berkenaan sangat penting kerana ekonomi berasaskan industri memerlukan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana bagi menyokong proses perindustriannya.

Menurut beliau, negara memerlukan penglibatan penuh dan ikhlas dari institusi kewangan bagi membantu industri berkenaan terutamanya syarikat - syarikat yang inovatif tetapi menghadapi masalah mendapatkan bantuan kewangan.

"Saya yakin industri bank akan menyahut dengan positif cabaran ini dan memberi sokongan sepenuhnya pada perusahaan - perusahaan yang produktif," katanya semasa berucap di majlis makan malam tahunan institusi kewangan di sini malam ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia kaya dengan bahan mentah dan industri kecil serta sederhana berkemampuan untuk menukarnya menjadi komponen - komponen yang diperlukan oleh industri besar.

Beliau juga menggesa bank - bank mengambil langkah meningkatkan pinjaman kepada sektor pembuatan kerana binaan ini dijangka menyumbang 32 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) pada hujung Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

"Jelas sekali mobiliti dana swasta sama ada dalam bentuk modal berisiko dan kredit bank untuk pelaburan dalam projek pembuatan perlu ditingkatkan.

"Jika tidak ia akan memperlambatkan proses perkembangan perindustrian," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah institusi kewangan mesti bersikap sedia untuk membiayai pelaburan - pelaburan besar sektor swasta yang dijangkakan sebanyak \$200 juta dalam RM6.

Beliau menegaskan, bahawa tanpa penglibatan bersungguh - sungguh sistem bank, adalah sukar bagi Malaysia untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Menurutnya, bank - bank tidak seharusnya memberi pinjaman untuk urusniaga bersifat spekulatif atau untuk membeli saham yang harga sudah mencapai paras yang sangat tinggi.

"Bank - bank mesti tahu dari pengalaman mereka pada tahun 1985. Ojiamari seperti itu boleh bertukar menjadi beban dalam sekelip mata," katanya.

Beliau menegaskan, sebagai sebuah negara sedang membangun Malaysia tidak boleh menghadapi sekali lagi pengalaman pada tahun 1985 di mana bank - bank mengambil langkah memflikasikan mereka yang tidak mampu membayar pinjaman.

"Walaupun langkah merampas cagar dan memflikasikan mereka sah di sisi undang - undang adalah lebih - lebih kita beringat bahawa orang yang bankrap bukan sahaja menjadi beban kepada dirinya sendiri tetapi juga beban kepada negara," ujarnya.

Sehubungan dengan itu Dato' Sri Dr. Mahathir mahu pinjaman diberikan kepada ahli pemiagaan atau usahawan yang tulen sahaja dan berkemampuan untuk menjayakan projek - projek yang dilaksanakan.

Beliau juga mahu institusi kewangan memainkan peranan mendidik orang ramai khususnya penduduk luar bandar tentang simpanan dan pelaburan yang sah bagi mengelakkan mereka tertipu oleh mereka yang menjalankan kegiatan mengutip deposit secara haram.

"Nyata sekali banyak wang tidak dilabur dengan bijaksana. Langkah bank mendidik orang ramai ini tentunya akan membawa hasil yang baik kerana lebih banyak wang akan disimpan di institusi kewangan," katanya.

Menurut beliau, institusi kewangan haruslah berorientasikan perkhidmatan dan bersifat penyayang.

Bank - bank juga digesa oleh Perdana Menteri supaya meningkatkan kecekapan dan bersikap inovatif dengan menghasilkan alat-alat kewangan yang mempunyai nilai ditambah.

"Institusi bank hendaklah menajamkan dan memberi tumpuan pada inovasi kewangan yang mempunyai nilai ditambah dan bukannya menghasilkan perkara yang cuba mengelakkan perahuan," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berharap sistem bank negara ini berkembang menjadi sektor yang kukuh, stabil dan mampu menghadapi sebarang kejutan kerana tanpanya, aliran kredit yang berterusan untuk perdagangan dan perindustrian akan terjejas serta membantutkan kemajuan dan kesejahteraan negara.

kewangan